

# Juruteknik kena 3 bulan, denda RM10,000

BH 1/12

**K**UALA LUMPUR: Seorang juruteknik Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dipenjara tiga bulan dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas didapati bersalah menerima rasuah RM500, enam tahun lalu.

Hakim Rosenani Abdul Rahman memerintahkan Soid Daud, 49, dihukum penjara selepas didapati bersalah menerima rasuah itu daripada seorang pengurus syarikat pembinaan bagi mempercepatkan kelulusan permohonan cadangan pembinaan kediaman dan perniagaan pada Jun 2000.

Ketika menjatuhkan hukuman, Rosenani berkata, beliau berpuas hati bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh ketika akhir kes pendakwaan dan segala keterangan yang dikemukakan pada peringkat pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah dalam tuduhan terhadapnya.

Ketika membuat rayuan bagi meringankan hukuman, peguam bela Dr Mohd Radzuan Ibrahim berkata, anak guamnya sudah lama berkhidmat dengan Syabas dan tidak pernah mempunyai sebarang masalah atau rekod buruk.

"Ini adalah sabitan pertama sejak mula berkhidmat dengan Syabas yang dulu dikenali Jabatan Bekalan Air Selangor, 28 tahun lalu.

"Anak guam saya berusia 49 tahun, isterinya tidak bekerja dan tiga anaknya masih belajar. Saya mohon mahkamah ambil kira rekodnya yang bersih selama ini kerana sabitan ini sendiri akan mengakibatkan dia hilang kerja," katanya.

Bagaimanapun, Pegawai Pendakwa Badan Pencegah Rasuah Mohd Ahsan Ab Latif memohon mahkamah mengambil kira kepentingan awam ketika menjatuhkan hukuman kerana kesalahan rasuah adalah kesalahan terhadap masyarakat yang memberi kesan terhadap ekonomi negara.